

20 AUG 1998

Mahathir-Pendapat

PENDAPAT DR MAHATHIR DI HONG KONG MENJADI KENYATAAN

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Pendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dianggap berkontroversi apabila beliau menggesa supaya kegiatan manipulasi matawang dikawal, kini ternyata berasas.

Pandangan yang disuarakannya pada mesyuarat Tabung Matawang Antarabangsa/Bank Dunia di Hong Kong pada Oktober tahun lepas menimbulkan reaksi negatif di kalangan ahli ekonomi, khususnya di Hong Kong yang berpegang kepada falsafah bahawa kerajaan tidak harus campur tangan dalam kegiatan ekonomi.

Bagaimanapun, Hong Kong yang bermegah sebagai pusat pasaran bebas di rantau ini kini terpaksa mengambil tindakan yang bertentangan dengan falsafah itu apabila matawang dan pasaran sahamnya diserang pedagang matawang.

Ketika berucap pada perhimpunan "Pemimpin Bersama Rakyat" di sini hari ini, Dr Mahathir berkata kerajaan Hong Kong kini terpaksa campur tangan untuk menyokong nilai matawangnya serta pasaran saham dan hadapan yang terjejas teruk akibat serangan itu.

Beliau berkata: "Apa yang saya kata ketika itu bertentangan dengan falsafah pasaran bebas dan Hong Kong tidak percaya bahawa pasaran bebas itu tidak baik.

"Hari ini matawang Hong Kong dan pasaran sahamnya diserang pedagang matawang sehinggakan kerajaan Hong Kong terpaksa bertindak menyekat mereka, yang bertentangan dengan falsafah pasaran bebas.

"Dengan itu, falsafah itu kini keluar dari tingkap kerana ia tidak boleh dipertahankan lagi."

Dr Mahathir berkata bahawa kini kerajaan Hong Kong sedar pasaran bebas yang dipertahankan itu memberi peluang mudah kepada penyangak matawang untuk mengautkan keuntungan daripada kesusahan orang lain.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia menyokong pasaran bebas tetapi ia perlu dikawal bagi mengelak "penyangak matawang mengambil kesempatan untuk menyamun harta orang".

"Kita terima pasaran bebas. Kita ingin melihat pasaran bebas hidup dalam negara kita tetapi pasaran yang bebas perlu dikawal," katanya.

Kerajaan Hong Kong campur tangan dalam pasaran saham negara itu Jumaat lepas untuk menentang kegiatan spekulasi yang memberikan tekanan terhadap nilai dolar Hong Kong dan menyebabkan Indeks Hang Seng merosot akibat kejatuhan pasaran saham.

Dr Mahathir berkata bahawa apabila beliau membuat kenyataan itu selepas matawang Malaysia, Thailand, Indonesia dan Korea Selatan diserang pedagang matawang, Hong Kong yang sedikit sebanyak terselamat ketika itu menyalahkan ekonomi dan kerajaan di rantau Asia sebagai punca krisis itu.

Beliau berkata ini menunjukkan bahawa adalah mudah untuk mengecam pihak yang bermasalah apabila pihak yang lain tidak diserang.

"Tetapi, apabila mereka sendiri diserang, mereka mengambil tindakan yang ditentang sebelum itu," katanya.

Dr Mahathir berkata krisis ekonomi tidak berpunca daripada kerajaan, seperti apa yang berlaku Afrika Selatan dan Rusia baru-baru ini apabila matawang kedua-dua negara itu turut diserang spekulator matawang walaupun Rusia belum lagi boleh mengagihkan manfaat pasaran bebas kepada rakyatnya.

Akibat serangan itu, matawang Rusia, Rouble, menjunam lebih 30 peratus sehingga memaksa kerajaan negara itu menurunkan nilainya serta mengenakan moratorium selama 90 hari terhadap hutang luar negara.

Dr Mahathir turut mengesahkan tindakan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) yang mengenakan syarat-syarat ketat terhadap negara-negara penerima bantuan kewangannya -- Indonesia, Thailand dan Korea Selatan -- dengan berkata bahawa syarat-syarat itu membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan.

Beliau berkata keadaan pengangguran bertambah buruk di negara-negara itu dan matawang masing-masing terus lemah dan masalah sosial bertambah buruk.

Katanya, ekonomi Malaysia akan bertambah buruk sekiranya ia menerima bantuan daripada IMF dan dipaksa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan dunia itu.

Antara syarat-syarat IMF itu adalah menaikkan kadar faedah yang sepatutnya menstabilkan matawang tetapi matawang Indonesia menjunam dari hanya 3,600 rupiah bagi AS\$1 kepada 15,000 rupiah sekarang.

Pada persidangan berita kemudian, Perdana Menteri berkata dunia mungkin menghadapi kegawatan ekonomi selagi perdagangan matawang "dilindungi dan disayangi".

Contohnya, kata beliau, semasa Mexico dilanda krisis beberapa tahun lepas, matawang peso pulih hasil bantuan IMF, Bank Dunia dan Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, serangan matawang oleh spekulator dari Januari hingga sekarang menyebabkan nilai peso merosot lebih 40 peratus, kata Dr Mahathir.

"Ia boleh jatuh semula selagi dagangan matawang dibiarkan seperti sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata ekonomi dunia akan terdedah kepada ancaman itu sehinggalah semua negara menerima hakikat bahawa pedagang matawang adalah punca masalah ekonomi masa kini.

Ditanya sama ada negara-negara yang menjadi mangsa serangan spekulatif akan bersatu untuk menentang spekulator matawang, beliau berkata: "Sekiranya kita bersatu tenaga, mereka (spekulator) akan menyerang kita dengan serta merta. Mereka akan hentam dengan teruk."

Sambil merujuk kepada kejatuhan nilai rupiah, beliau berkata "pedagang matawang adalah orang yang berkuasa."

Ditanya sama ada campur tangan kerajaan Hong Kong dalam pasaran saham menunjukkan bahawa mereka menuruti gesaannya supaya dagangan matawang dikawal, beliau berkata ia seolah-olah orang tidak mahu "mengakui itu sebagai kebenaran tetapi apa yang mereka lakukan adalah sama dengan apa yang kita cadangkan."

Perdana Menteri berkata kerajaan-kerajaan itu bercakap tentang mengawal dagangan matawang "tetapi mereka tidak mahu mengakui ini kerana mereka orang yang angkuh."

Ditanya sama ada kenyataannya bahawa kerajaan akan membeli saham syarikat-syarikat yang terjejas akibat kelembapan ekonomi telah mendorong kenaikan harga di pasaran saham selama dua hari berturut-turut, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada ini kerana apa yang saya kata, mungkin sebab yang lain."

Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan akan menyalurkan dana ke dalam pasaran untuk menyokong nilai saham syarikat-syarikat.

Bagaimanapun beliau berkata bahawa apabila harga-harga saham disokong, mungkin akan timbul tekanan terhadap saham-saham itu dan harga-harga bergerak tidak menentu.

Ditanya selama mana kerajaan akan menyokong pasaran saham, Dr Mahathir berkata: "Selagi tidak ada kawalan terhadap dagangan matawang secara global."

Perdana Menteri berkata kerajaan memerlukan rakyat bersatu supaya ia dapat memberi tumpuan kepada usaha menentang kegiatan manipulasi pedagang matawang.

-- BERNAMA

TEAM MFJ MAI